


MULA



UNIVERSITY OF MALAYA LIBRARY . MICROFILM .

PER. UTAMA-UM



A004665910

AAJL - 09746

SIKAP PARTI-PARTI POLITIK TERHADAP PEMERUBAHAN NEGARA ISLAM
DI MALAYSIA: TUMFUAN KEPADA PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP)

25/2/92
DAP

Oleh

Kespol Anuar bin Haji Asmawi

Kertas projek ini ialah satu latihan ilmiah
untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan
Ijazah Sarjana Muda Syariah pada Sesi 89/90

Fakulti Syariah
Akademi Islam Universiti Malaya
Januari 1990

DEDIKASI

Ku abadikan.....

buat ibu, ayah, abang, kakak serta adik yang disanjungi

buat isteri yang disayangi

buat anak yang dikasihi

buat rakan seperjuangan yang dihormati

SEMOGA KITA SENTIASA DALAM KEREDAAN ALLAH.....

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ . الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ
وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاٰ وَالْمُرْسَلِينَ
وَعَلَى الْأَئْمَاءِ أَجْمَعِينَ . أَمَّا بَعْدُ

Pertama sekali penulis berasa syukur kerana telah dapat menyempurnakan kertas projek ini yang menjadi sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan sarjana muda syariah.

Meski pun terdapat beberapa masalah yang timbul ketika penulis menyempurnakan kertas projek ini, tetapi dengan kekuatan yang diberikan oleh Allah, penulis telah dapat menyempurnakannya dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.

Sehubungan dengan itu penulis ingin mengucapkan berbangga terima kasih kepada pehak-pehak yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya kepada penulis untuk menyiapkan kertas projek ini terutamanya kepada Ustaz Alias Othman yang menjadi penyelia di dalam kajian ini. Tidak lupa juga diucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada kepada pehak Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Perpustakaan Fusat Islam, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara dan Arkib Negara yang telah memberikan kerjasama kepada penulis bagi menyiapkan kertas projek ini. Akhirnya, semoga Allah memberikan ganjaran yang setimpal dengan amalan yang telah kita lakukan selama ini.

SEKIAN.

ABSTRAK

Penubuhan sebuah negara Islam adalah satu kewajiban. Ini sudah jelas dan menjadi perkara yang disepakati oleh para ulama. Masyarakat Islam yang berada dimana-mana sahaja meski menjalankan usaha kearah itu walau pun mereka berada di dalam negara yang penduduknya rata-rata adalah orang-orang kafir. Perkara menjadi lebih utama lagi di negara-negara yang kehanyakkan penduduknya adalah orang-orang Islam.

Negara Islam yang dimaksudkan bukanlah negara Islam pada nama sahaja, tetapi ia adalah sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai satu sistem yang terpakai dalam negara tersebut.

Akibat dari kebangkitan Islam yang melanda seluruh dunia , maka tuntutan-tuntutan kearah penubuhan sebuah negara Islam semakin jelas kedengaran. Perkara yang sama telah berlaku di Malaysia kerana sebahagian besar dari penduduk Malaysia adalah beragama Islam.

Namun begitu salah satu masalah yang perlu dihadapi di dalam menjalankan usaha ini ialah bagaimanakah peneriman golongan bukan muslim terhadap konsep negara Islam itu sendiri.Seperti yang telah dimaklumi bahawa masyarakat Ma-

laysia adalah terdiri dari tiga bangsa yang utama iaitu Melayu, Cina dan India. Setiap bangsa mempunyai agama masing-masing. Oleh kerana itu tuntutan kearah penubuhan sebuah negara Islam di Malaysia sebenarnya terpaksa berhadapan dengan sikap-sikap yang tertentu yang yang ditunjukkan oleh masyarakat bukan Islam.

Dalam kajian ini penulis akan cuba memperlihatkan bagaimanakah sikap yang ditunjukkan oleh masyarakat bukan Islam dengan menjadikan Parti Tindakan Demokratik (DAP) sebagai sasaran kejadian. Penulis menjadikan DAP sebagai sasaran kajian kerana parti tersebut sebenarnya adalah mewakili sebagian besar penduduk bukan Islam di Malaysia.

Sikap yang ditunjukkan oleh DAP sebenarnya boleh dibuat satu pénilaian yang tertentu dan dalam masa yang sama akan menjadi kyu ukur kepada para pejuang negara Islam di Malaysia di dalam meletakkan kaedah-kaedah bersesuaian dan berkesan untuk mengwujudkan sebuah negara Islam di Malaysia.

ISI KANDUNGAN

MUKASURAT

HALAMAN TAJUK

DEDIKASI

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ISI KANDUNGAN

PENDAHULUAN

1. Latar belakang kajian	i
2. Bidang kajian	iii
3. Tujuan kajian	iv
4. Metod kajian	v

BAB PERTAMA

PERSOALAN-PERSOALAN UMUM MENGENAI NEGARA ISLAM

1.1 Penubuhan Negara Islam dipandang dari sudut hukum	1
1.1.1 Tiada hubungan antara Islam dan negara	2
1.1.2 Tiada pemisahan antara Islam dan negara	7
1.1.3 Kesimpulan	11
1.2 Matlamat Negara Islam	13
1.3 Tinjauan ringkas mengenai sejarah pertumbuhan Negara Islam	16
1.3.1 Dakwah peringkat Mekah	17
1.3.2 Dakwah peringkat Madinah	19

NOTA KAKI

BAB KEDUA

KONSEP NEGARA ISLAM.

2.1 Pendahuluan	26
2.2 Pengertian negara menurut Islam	27
2.3 Konsep kedaulatan dalam Negara Islam	31
2.3.1 Siapakah yang paling berdaulat dalam Negara Islam	35
2.3.2 Batas-batas kedaulatan Negara Islam	37
2.3.3 Rumusan	39
2.4 Konsep kewarganegaraan dalam Negara Islam	41
2.4.1 Pendahuluan	41
2.4.2 Pengertian kewarganegaraan	41
2.4.3 Siapakah warganegara Islam	43
2.4.4 Golongan bukan Muslim dalam Negara Islam	47
2.4.5 Bilakah terbatalnya perjanjian dzimmi	49
2.4.6 Hak-hak bukan Muslim dalam Negara Islam	50
2.4.7 Beberapa tanggungjawab bukan Muslim dalam Negara Islam	62
2.5 Kesimpulan	66

NOTA KAKI

BAB KETIGA

PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP) DAN SIKAP TERHADAP NEGARA ISLAM

3.1 Pengenalan	75
3.2 Matlamat perjuangan	80

3.3 Sikap DAP mengenai Negara Islam	84
3.3.1 Pendahuluan	84
3.3.2 Sikap DAP mengenai usaha penubuhan Negara Islam di Malaysia	87
3.3.3 Beberapa persoalan mengenai Negara Islam dari sudut pandangan DAP	95
3.4 Kesimpulan	102

NOTA KAKI

BAB KEEMPAT

PENJELASAN DAN RUMUSAN

4.1 Pendahuluan	108
4.2 Islam sebagai Ideologi negara dan perbezaannya dengan agama yang lain	109
4.3 Kebebasan agama dalam Negara Islam	112
4.4 Kerakyatan Negara Islam	114
4.5 Persoalan mengenai masyarakat majmuk di Malaysia	118
4.6 Rumusan	120

NOTA KAKI

BIBLIOGRAFI

127

LAMPIRAN

134

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

PENDAHULUAN.

1. LATARBELAKANG KAJIAN.

Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan sistem pemerintahan yang bercorak demokrasi. Sistem yang seumpama ini sebenarnya memberikan ruang kepada pengwujudan parti-parti politik yang membawa dasar perjuangan yang tertentu. Di antara parti politik yang ada di Malaysia ialah Parti Tindakan Demokratik atau pun ringkasnya DAP.

Dalam masa yang sama, boleh dikatakan bahawa sebahagian besar penduduk Malaysia adalah beragama Islam dan di dalam Perlembagaan Persekutuan ada dinyatakan bahawa Islam adalah agama bagi persekutuan. Ini menunjukkan bahawa Islam mempunyai pengaruh yang besar di Malaysia kerana ia menjadi anutan sebahagian besar masyarakat Malaysia.

Dari segi sejarah boleh dikatakan bahawa di Malaysia telah wujud satu bentuk pemerintahan yang bercorak Islam atau pun dengan kata lain telah wujud sebuah negara Islam di Malaysia. Perkara ini boleh dibuktikan kajian yang dibuat terhadap undang-undang yang terpakai di negeri-negeri di Malaysia sebelum kedatangan penjajah barat. Dari kajian yang di-

buat menunjukkan bahawa undang-undang Islam memang menjadi undang-undang yang terpakai di negeri-negeri Melaynia sebelum kedatangan penjajah. Sesudah Malaysia dijajah maka sedikit demi sedikit undang-undang Islam telah diketepikan. Dalam masa penjajahan, maka undang-undang Islam yang menjadi teras kepada kewujudan sebuah negara Islam telah digantikan dengan undang-undang penjajah.

Sesudah Malaysia mencapai kemerdekaan, undang-undang tersebut masih lagi dikekalakan hingga ke hari ini. Akibat dari kebangkitan Islam yang sedang berlaku di seluruh dunia termasuk di Malaysia, maka telah ada tuntutan supaya undang-undang peninggalan penjajah digantikan dengan undang-undang Islam yang mana ia merupakan asas bagi kewujudan sebuah negara Islam.

Sebagai sebuah parti yang bergerak di Malaysia maka DAP terpaksa juga berhadapan dengan tuntutan-tuntutan yang seumpama ini dan ia terpaksa pula menyatakan sikap sebenar terhadap tuntutan tersebut. Parti tersebut sebenarnya menjadi tumpuan masyarakat bukan Islam di Malaysia kerana dalam kebanyakannya isu-isu yang ditimbulkan oleh DAP lebih tertumpu kepada masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat bukan Islam.

Ekoran dari tuntutan masyarakat Islam supaya diwujudkan satu bentuk pemerintahan Islam atau pun negara Islam, maka keadaan ini telah menimbulkan berbagai-bagai reaksi di kalangan masyarakat bukan Islam. Perkara ini merupakan satu masalah yang besar dan perlu ditangani sebaik mungkin agar usaha penubuhan negara Islam di Malaysia dapat dilaksanakan dengan jayanya.

2. BIDANG KAJIAN.

Kajian ini lebih berbentuk pemikiran politik semasa iaitu konsep kenegaraan menurut Islam dan setakat manakah kesesuaianya untuk sebuah masyarakat majmuk seperti di Malaysia menurut kaca^{matq} non muslim yang menjadi sebahagian dari penduduk Malaysia. Kajian ini akan tertumpu kepada sikap DAP yang mempunyai pengaruh yang besar dikalangan masyarakat non muslim di Malaysia dan setakat manakah kesesuaian konsep negara Islam di Malaysia dari sudut pandangan DAP.

Penulis membahagikan kajian kepada empat bahagian atau bab. Dalam bab yang pertama, perkara yang akan disentuh oleh penulis ialah persoalan-persoalan umum yang bersengkutan dengan negara Islam seperti apakah hukum menegakkan negara Islam menurut pandangan Fiqh Islam dan apakah matlamat penubuhan negara Islam. Di samping itu penulis akan menyentuh ser-

be sedikit berkenaan sejarah pertumbuhan negara Islam.

Perkara yang akan disentuh oleh penulis dalam bab yang kedua ialah apakah pengertian negara Islam, bagaimanakah konsep kedaulatan dalam negara Islam serta bagaimanakah bentuk-bentuk kewarganegaraan yang ada dalam negara Islam.

Bab yang ketiga pula akan membahaskan latar belakang penubuhan Parti Tindakan Demokratik (DAP) serta falsafah perjuangannya dan bagaimanakah sikap dan kefahaman DAP berkenaan dengan konsep negara Islam itu sendiri.

Dalam bab yang terakhir penulis akan membahaskan penjelasan terhadap sebarang tanggapan dan sikap yang ditunjukkan oleh DAP berhubung dengan kesesuaian penubuhan negara Islam di Malaysia. Penulis juga akan memberikan rumusan dan cadangan yang diperlukan bagi penubuhan sebuah negara Islam di Malaysia.

3. TUJUAN KAJIAN.

- i. Untuk menjelaskan kepada masyarakat bukan muslim bagaimanakah konsep kenegaraan menurut Islam.

ii. Untuk melihat bagaimanakah sikap dan kefahaman non muslim berhubung dengan konsep negara Islam dan setakatmanakah kesesuaianya bagi sebuah masyarakat majmuk seperti Malaysia.

iii. Untuk memberikan penjelasan-penjelasan berhubung dengan sikap dan kefahaman tersebut serta memberikan rumusan dan cadangan bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit daripada sikap dan kefahaman yang ditunjukkan itu.

4. METOD KAJIAN.

Untuk melakukan kajian ini penulis telah menggunakan beberapa metod. Antaranya ialah:

i. Kajian buku.

Penulis telah cuba mengumpulkan seberapa banyak maklumat menerusi metod ini. Untuk memperolehi buku-buku tersebut penulis mendapatkannya di Perpustakaan Universiti Malaia, Perpustakaan Pusat Islam, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka dan Arkib Negara.

ii. Temubual.

Penulis telah mengadakan temubual dengan seorang pemimpin kanan Parti Tindakan Rakyat (DAP) iaitu Dr Tan Seng Giaw.

Temubual tersebut telah diadakan di pejabat DAP yang terletak di Petaling Jaya.

iii. Observasi.

Penulis telah mengadakan pemerhatian atau pun observasi dalam melakukan kajian ini. Observasi boleh dilakukan dengan melihat isu-isu semasa yang timbul berhubung dengan tajuk kajian ini, yang disiarkan di dalam majalah rasmi DAP iaitu "The Rocket".